

TEKS PROSA ZARZURIYYAT IBN FAKHAAR: ANALISA KORPUS BERTEMA BERDASARKAN TEORI MEDAN MAKNA

A CORPUS ANALYSIS OF IBN FAKHHAR'S ZARZURIYYAT PROSE BASED ON SEMANTIC FIELD THEORY

Hishomudin Ahmad¹
Norfarhana Abdul Ghafar²
Munjid Mustafa Bahjat³

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan, Malaysia. Email: hishomudin@usim.edu.my

²Calon PhD, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, University Sains Islam Malaysia (USIM), Negeri Sembilan, Malaysia. Email: farhana.ghafar@gmail.com

³Jabatan bahasa Arab, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, International Islamic University Malaysia (IIUM), Selangor, Malaysia. Email: munjidmb@hotmail.com

Accepted date: 5 January 2017

Published date: 31 March 2017

To cite this document : Ahmad, H., Ghafar, N. A., & Bahjat, M. M. (2017). Teks Prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhaar: Analisa Korpus Bertema Berdasarkan Teori Medan Makna. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 2(3), 21-31.

Abstrak: Kajian korpus merupakan salah satu sub-bidang dalam pengajian linguistik yang banyak digunakan dalam pelbagai bahasa dunia termasuk bahasa Arab. Namun begitu, kajian korpus bahasa Arab mempunyai cabarannya tersendiri. Ini kerana Bahasa Arab terbahagi kepada tiga jenis utama, iaitu bahasa Arab moden, bahasa Arab klasik dan juga dialek-dialek yang terdapat di Timur Tengah. Terdapat beberapa kajian korpus berkomputeran telah dilakukan dalam mengkaji bahasa al-Quran, namun kajian korpus bertema berdasarkan Teori Medan Makna masih belum dipelopori secara komprehensif. Oleh itu kajian ini menumpukan analisa korpus bertema yang diaplikasikan dalam satu teks prosa Arab. Kajian ini menggunakan data sekunder, iaitu teks prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhar. Ia melibatkan dua fasa kajian, iaitu: analisa korpus dan analisa berstruktur dengan menggabungkan hubungan antara perkataan mengikut teori medan makna. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teks ini mempunyai dua tema utama, iaitu manusia dermawan dan burung Zarzuur yang saling berkait antara satu sama lain melalui antonim. Dalam memerihalkan perwatakan manusia dermawan tersebut Ibn Fakhaar menggunakan satu hubungan antara perkataan sahaja, iaitu meronim, sementara untuk watak burung Zarzuur penulis menggunakan lima hubungan antara perkataan, iaitu polisem, hipernim, hiponim, holonim dan meronim. Kajian ini dapat membuktikan bahawa analisa korpus bertema yang berasaskan gabungan kajian korpus dan Teori Medan Makna dapat membantu dalam pemahaman teks sastera secara mudah.

Kata Kunci: Kajian Korpus, Teori Medan Makna, Sastera Andalusia, Prosa Arab, Zarzuur.

Abstract: *The study of corpus, one of the sub-fields in linguistic studies, is widely used in to study world languages including Arabic. However, the Arabic corpus study has its limitations due to the various modes of Arabic categorized as modern standard Arabic, classical Arabic and colloquial Arabic dialects used in various Arab countries in the Middle East. Though there many studies conducted on Arabic using computerized corpus analysis, the Field Semantic Theory has not been extensively utilized. The present study aimed to analyze an Arabic literary text using the thematic analysis. Using secondary data source, a literary prose text titled Zarzuriyyat by Ibn Fakhar, this study combined word relationships following the Semantic Field Theory. It involved two stages which were the corpus analysis and framework analysis phases. The findings show that this text has two main themes, which are generosity of a person and Zarzur bird which is also known as European starling. The two themes are interconnected with one other through the antonym relationship. In describing the characteristics of a generous person, Ibn Fakhaar used exclusively meronym. However, when describing the characteristics of the bird, he used five types of relationships, namely polysemy, hypernym, hyponym, holonym and meronym. This study proves that thematic corpus analysis, which derived from the study of corpus and Semantic Field Theory can enhance the understanding of a literary text.*

Keywords: *Corpus study, Semantic Field Theory, Andalusia Literature, Arabic Prose, European Starling*

Pendahuluan

Kajian korpus merupakan salah satu sub-bidang dalam pengajian linguistik. Ia mempunyai sejarah yang lama bermula daripada pemerolehan bahasa, kaedah ejaan, pedagogi bahasa, linguistik perbandingan, sintak dan semantik (Ahmadian, Yazdani, & Darabi, 2011; Tagg, 2009). Kajian korpus semakin berkembang dengan kemajuan teknologi, di mana pada peringkat awal Roberto Busa (1949-1967) mencipta korpus elektronik untuk bahasa Latin dengan bantuan syarikat *International Business Machines (IBM)* di Amerika Syarikat (McGillivray & Kilgarriff, 2013). Kajian ini turut diaplikasi dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa German, Russia, dan Aramaic. Sementara itu, kajian korpus untuk bahasa Inggeris agak lewat muncul berbanding bahasa-bahasa Eropah lain. Pada 1980, kajian korpus bahasa Inggeris mendapat tumpuan utama sehingga tercipta beberapa jenis korpus seperti *Brown corpus*, *London-Lund corpus*, *British National Corpus*, *Lancaster-Oslo-Bergen corpus*.

Sementara itu, kajian korpus bahasa Arab secara perkomputeran kurang mendapat perhatian sehinggalah pada awal kurun ke-21. Kebanyakan kajian sedia ada melakukan analisa secara manual pada sekitar tahun 1950-an (Razak, 2011). Pada sekitar 1990-an dan awal kurun ke-21 penggunaan komputer dalam membina korpus bahasa Arab telah digunakan oleh beberapa pengkaji seperti Mohammed Zeki Khedher, Adam Kilgarriff, Kais Dukes dan Eric Atwell. Walaubagaimanapun, kajian berteraskan korpus bertema masih belum diterokai. Kajian ini bersandarkan kepada Teori Medan Makna yang dipelopori oleh Jost Trier, di mana perkataan-perkataan yang dianalisa disusun dalam satu kumpulan yang sama berdasarkan kepada tema tertentu.

Artikel ini menumpukan analisa korpus bertema yang diaplikasikan dalam satu teks prosa Arab yang dinamakan *Zarzuriyyat* Ibn Fakhar. Teks ini merupakan merupakan teks prosa baharu yang belum dikaji. Kajian ini akan menambah dimensi baharu terhadap teks-teks

Zarzurriyyat sedia ada di kalangan sasterawan lain. Ia juga merupakan kajian rintis kepada kajian korpus bertema dalam sastera Arab yang merupakan salah satu bentuk bahasa Arab klasik.

Sorotan Kajian

Korpus bahasa Arab

Dalam kajian bahasa Arab, analisa korpus secara perkomputeran masih lagi kurang mendapat perhatian. Oxford University Press merupakan syarikat penerbitan pertama di Eropah yang menghasilkan kamus dwi-bahasa *Arabic-English* berdasarkan kajian leksikon bahasa Arab menggunakan perisian *Sketch Engine* yang diperkenalkan oleh Adam Kilgarriff (Kilgarriff, Baisa, Bu, Pavel, & Vít, 2014). Beliau (1960-2015) yang merupakan ahli linguistik Britain dan juga pengasas syarikat *Lexical Computing* yang mencipta perisian *Sketch Engine* tersebut. Namun, usaha ini menghadapi cabaran dari aspek kepelbagaian jenis bahasa Arab yang terbahagi kepada bahasa Arab moden, bahasa Arab klasik (al-Quran, Hadis, syair dan prosa klasik) dan juga dialek-dialek yang terdapat di Timur Tengah.

Sementara itu, Kais Dukes dari University of Leeds telah membuat kajian berkaitan korpus bahasa al-Quran yang dinamakan *Quranic Arabic Corpus*. Projek ini merupakan sebahagian hasil dari kumpulan penyelidikan perkomputeran bahasa Arab di *School of Computing, University of Leeds* yang diselia oleh *Eric Atwell*. Tujuan projek ini adalah untuk menghasilkan satu korpus bagi al-Quran. Hasil korpus ini membolehkan kajian lanjut dilakukan terhadap teks agama Islam yang berusia 1400 tahun. Projek ini melibatkan beberapa fasa termasuk penyediaan proses *tagging* secara automatik, pengesahan awal secara manual dan pembacaan pruf secara kolaboratif atas talian (Dukes, Atwell, & Habash, 2011; Dukes, Atwell, & Sharaf, 2010). Korpus ini menyediakan tiga tahap analisa, iaitu: anotasi morfologi, analisa nahu dalam bentuk *treebank* dan juga ontologi semantik (<http://corpus.quran.com/>).

Selain daripada itu, Mohammed Zeki Khedher dari *Universiti of Jordan* juga membuat kajian berkaitan korpus al-Quran yang dikenali dengan *Midad al-Bayan*. Projek ini bermula pada tahun 1994 dan telah melalui 3 fasa utama, iaitu fasa penyediaan pangkalan data untuk al-Quran pada tahun 1994-2002, seterusnya fasa pengasingan kata awalan, kata akar dan kata akhiran pada 2003-2005, dan fasa analisa kata awalan, kata akar dan kata akhiran dalam konteks ayat-ayat al-Quran (<http://mbayan.net/>). Beliau (1999) berpendapat bahawa aspek analisa morfologi merupakan proses penting dalam bahasa al-Quran, serta mencadangkan agar *neural networks* digunapakai dalam menganalisa bahasa Arab disamping pengguna *fuzzy logic* dan *genetic algorithms* dalam bidang kecerdasan buatan.

Teori medan makna

Teori Medan Makna ialah satu teori yang digunakan sebagai cara untuk memahami makna. Ia menggabungkan satu perkataan di dalam satu kumpulan yang sama (Margarita Goded Rambaud, 2012; M Lynne Murphy, 2003). Teori ini terbentuk daripada perkaitan makna perkataan yang saling berkait antara satu sama lain. Ini bererti bahawa makna setiap perkataan tidak berdiri dengan sendiri bahkan perlu dikaitkan dengan perkataan yang lain untuk memahaminya. *Ferdinand de Saussure* dan *Geofrey Sampson* mengibaratkan perkataan seperti sebuah papan catur yang setiap satunya bergantung antara satu dengan yang lain (Thiselton, 1979).

Teori ini berkembang menjadi satu teori yang kukuh selepas dipelopori oleh seorang sarjana Jerman, *Jost Trier* sekitar tahun 1931. Beliau berpendapat bahawa makna satu perkataan bertindih dengan perkataan-perkataan yang lain seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Pertindihan Makna oleh J. Trier (Ghafar, Hishomudin, Ghazali, Mohd, & Mustapha, 2016)

Seorang lagi tokoh yang popular dalam teori ini, *John Lyons* (1977) mengatakan bahawa setiap perkataan mempunyai hubungan dengan perkataan yang lain. Ini bermakna satu perkataan tidak dapat difahami secara jelas sebelum mengetahui perkataan-perkataan yang mempunyai kaitan dengannya dalam satu kumpulan yang sama. Beliau juga berpendapat bahawa makna setiap perkataan tidak berdiri dengan sendiri dan memperoleh makna daripada hubungannya dengan perkataan yang lain.

Dalam teori ini, hubungan antara perkataan seperti ialah sinonim, antonim, hiponim, hipernim, meronim, holonim dan polisem merupakan dimensi utama dalam kajian para sarjana. Sinonim merupakan dua perkataan yang mempunyai makna yang sama, seperti perkataan kata kerja melihat dan memandang. Antonim pula ditakrifkan sebagai dua perkataan yang berlawanan makna, seperti datang dan pergi. Hiponim merupakan satu gugusan perkataan yang maknanya terangkum dalam makna kata lain, seperti perkataan merah, biru, kuning, hijau, hitam dan putih tergolong dalam satu gugusan warna, manakala hipernim pula merupakan makna am yang meliputi gugusan perkataan tersebut yang lebih dikenali sebagai superordinat. Meronim ditakrifkan sebagai konstituen kepada sesuatu bahagian seperti tayar ialah sebahagian daripada kereta. Holonim pula merupakan bahagian yang lebih besar yang disusun oleh meronim. Sementara polisem pula satu perkataan yang mempunyai banyak makna seperti pokok yang mempunyai makna, seperti perkataan pokok yang bererti tumbuhan atau tema sesuatu perbincangan.

Burung Zarzuur

Dalam sastera Arab, prosa merupakan elemen kedua terpenting selepas syair. Ia merujuk kepada hasil tulisan seorang penulis atau penggiat sastera untuk menonjolkan kebolehannya dalam menghasilkan teks sastera berkaitan dengan satu tajuk yang disusun dalam satu bentuk tersendiri, dan mempunyai gaya bahasa yang tinggi, sama ada dari aspek estetika ataupun retorika. Prosa Arab bermula dari zaman Jahiliyyah dan terus berkembang dalam era yang berbeza. Pada zaman Andalusia terdapat sejenis prosa berkaitan alam semula jadi bertemakan sejenis burung yang dikenali sebagai *Zarzuur*.

Zarzur merupakan perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada sejenis spesis burung perling yang terdapat di Eropah dan Asia. Di benua Eropah, spesis burung lebih dikenali secara saintifiknya *Sturnus Vulgaris* atau lebih dikenali dengan nama *European Starling* (Koenig, 2003; Wallace, Polikar, & Ferracuti, 1984). Burung ini bersaiz sederhana dalam keluarga burung perling yang dikenali dengan *Sturnidae*. Sementara di Asia Tenggara burung ini juga dikenali dengan nama saintifiknya *Aplonis panayensis* dan sering disebut oleh orang Jawa sebagai camperling dan keling. Ia juga dikenali dengan nama berling dan kembang dalam kalangan orang Sumatera, geuri dan kalolajang dalam kalangan orang Sunda. Sementara itu burung tersebut dipanggil dengan lilin atau perling dalam kalangan orang Melayu.

Burung *Zarzuur* mempunyai beberapa sifat yang jelas dengan spesies burung yang lain. Ia bersaiz sederhana dan mempunyai kelopak mata yang berwarna merah. Burung ini akan bergerak secara berkumpulan dan dianggap sebagai spesies burung yang paling bisung. Habitat semula jadinya adalah di kawasan subtropika ataupun kawasan lembap tanah rendah tropika dan juga di kawasan hutan paya. Terdapat banyak juga yang mendiami kawasan pekan-pekan dan bandar. Spesies ini memakan segala macam makanan, dengan mengambil pelbagai invertebrata, serta benih dan buah-buahan. Ia diburu oleh pelbagai mamalia dan burung pemangsa, dan menjadi tuan rumah kepada pelbagai parasit luar dan dalam (Johnson & Glahn, 1994).

Prosa Zarzuriyyat

Prosa *Zarzuriyyat* merujuk kepada beberapa teks yang ditulis oleh beberapa orang penulis pada era pemerintahan Islam di Andalus dalam era *Muluk Tawaif* dan *Murabitin* pada kurun ke 11. Terdapat dua belas teks prosa *Zarzuriyyat* yang ditulis oleh lapan orang penulis seperti jadual dibawah:

Bil.	Nama Penulis	Tahun wafat (hijriah)	Bilangan Teks
1	<i>Ibn Siraaj</i>	508	1
2	<i>Ibn al-Jidd</i>	515	1
3	<i>Abdul Aziz al-Bathalyuusi</i>	520	1
4	<i>Abu 'Amir bin Arqam</i>	-	1
5	<i>Ibn Fakhaar</i>	530	1
6	<i>Ibn Abdul Ghafuur al-Kala'ei</i>	531	2
7	<i>Ibn al-Murkha</i>	536	2
8	<i>Ibn Abu al-Khisool</i>	540	3

Jadual 1: Penulis prosa *Zarzuriyyat* dalam sastera Andalus (Hishomudin, 2010)

Merujuk kepada jadual di atas, *Ibn Siraaj* merupakan orang pertama yang menulis menggunakan tema *Zarzuriyyat*. Prosa ini berbentuk surat yang ditujukan kepada salah seorang pembesar pada zaman itu. Itu bertujuan untuk meminta belas kasihan kepada seorang individu yang diberi gelaran *Zuraizir* (Ibn Bassām, 1979). Teks prosa ini mendapat perhatian para sasterawan dan penulis lain pada zaman tersebut kerana keunikan prosa tersebut dan penggunaan unsur retorika (Fauzi Saad Isa, 1990), lalu membentuk satu bentuk perdebatan sastera atau lebih dikenali dengan istilah Arab *Mu'aradah Adabiyyah* (المعارضة الأدبية) dalam kalangan mereka.

Zuraiziir merupakan nama samaran kepada seseorang pemuda pada ketika itu yang diambil dari perkataan *Zarzuur*. Ini kerana terdapat persamaan antara pemuda dan juga burung tersebut yang sering meminta belas kasihan dan makanan di kawasan setempat. Oleh itu, para sasterawan menjadikan satu perumpamaan antara kedua-duanya. Terdapat pelbagai tema untuk prosa *Zarzuriyyat* yang ditulis oleh para sasterawan pada zaman itu. Antaranya memohon belas kasihan, rintihan dan juga sikap meminta-minta ataupun mengemis.

Ibn Fakhar

Ibn Fakhaar merupakan seorang penyair pada kurun keenam hijriah. Nama penuh beliau ialah Muhammad bin al-Hassan bin Kamil al-Hadrami (Al-'Imād, 1955; Azzirkiliy, 1999). Beliau juga dikenali dengan gelaran Nisfu Rabd dan anak nisfu Rabd. Beliau merupakan salah seorang sasterawan di Malaga, iaitu sebuah bandar persisiran laut Alboran di selatan Granada.

Dari aspek sasteranya, beliau terkenal sebagai penyair. Kebanyakan puisinya bertemakan puji-pujian, syair semangat, rintihan dan juga puisi deskriptif berkaitan alam semulajadi yang menarik di Andalusia pada ketika itu. Ibn Khaqān (1989) yang merupakan seorang penulis sejarah pada ketika itu merekodkan beberapa puisi beliau serta memujinya sebagai penyair yang hebat. Sementara dari aspek penghasilan prosa dalam bentuk sastera sedikit sahaja diriwayatkan dalam bukunya Qala'id 'Iqyan fi Mahasin Al-Ihsan.

Ibn Fakhaar telah menulis teks berbentuk surat kepada seorang dermawan – tidak dinyatakan namanya-, selepas tema Zarzuriyyat mendapat sambutan dalam kalangan sasterawan pada ketika (Ibn Khamiis, 1999). Beliau mengadaptasi karya-karya lalu menulis surat memohon menulis belas kasihan terhadap seorang pemuda yang diberi nama samaran ataupun gelaran Zuraiziir. Ia merupakan kata nama terbitan dari burung Zarzuur. Penulis banyak menggunakan sifat, kata nama dan juga kata kerja yang menggambarkan seekor burung yang mencari makanan di rumah dermawan di Andalusia pada zaman itu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah analisa korpus secara manual menggunakan data sekunder, iaitu teks Zarzuriyyat yang diambil dari buku *Udaba' Malaqa* yang dikarang oleh *Ibn Khamiis* (1999) yang merupakan sumber utama teks ini. Proses menganalisa data melibatkan dua fasa dalam analisa, iaitu fasa kajian korpus dan fasa *framework analysis* seperti berikut:

Fasa satu: Analisa korpus dijalankan menggunakan perisian Atlas.ti versi 8 dengan menggunakan aplikasi “*word crunches*” yang membentuk analisa korpus perkataan dalam bentuk frekuensi menggunakan perisian *microsoft excell* 2010. Seterusnya korpus itu dianalisa mengikut langkah berikut :

- a. Analisa morfologi dengan mengenalpasti kata akar bagi setiap perkataan
- b. analisa leksikal mudah (*simple lexical analysis*) dengan membezakan membezakan perkataan kepada kata nama, kata kerja dan partikel seperti yang dicadangkan oleh Alansary, Nagi, & Adly (2008).

Fasa dua: Pengkategorian perkataan mengikut hubungan antara perkataan yang wujud bersandarkan kepada tema teks prosa ini. Jenis-jenis hubungan tersebut ialah sinonim, antonim, hiponim, hipernim, meronim, holonim dan polisem. Pendekatan analisa berstruktur atau dikenali *framework analysis* yang dicadangkan oleh Ritchie and Spencer (1994) digunapakai dalam fasa ini. Ia melibatkan penyusunan perkataan mengikut hubungan perkataan mengikut tema manusia dan juga burung *Zarzuur*.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa teks Zarzuriyyat Ibn Fakhaar merupakan teks yang paling pendek berbanding dengan teks-teks yang lain. Ia mempunyai 126 perkataan selepas membuang dua rangkap syair yang diselitkan oleh penulis dalam teks tersebut. Selepas membuang perkataan yang berulang dalam teks tersebut, terdapat 96 perkataan yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan juga partikel seperti dalam jadual di bawah:

Jenis Perkataan	Bilangan	%
Kata Nama	60	62
Kata Kerja	17	18
Partikel	19	20
Jumlah keseluruhan	96	100

Rajah 2 : Analisa Korpus Teks Zarzuriyyat Ibn Fakhaar


Jadual analisa korpus di atas menunjukkan bahawa kata nama mempunyai peratusan yang tertinggi, iaitu 63% dan diikuti 18% kata kerja dan partikel sebanyak 20%. Untuk kata nama, terdapat 53 kata nama terbitan dan 7 kata nama tunggal, sementara kata kerja terdapat 11 kata kerja lepas (*Madhi*) dan 6 kata kerja sekarang (*Mudhari*). Penggunaan kata nama dalam teks prosa ini lebih menumpukan kepada gaya deskriptif dalam memerihalkan kebaikan tuan rumah kepada burung-burung yang singgah di laman rumahnya.

Selain daripada itu, teks *Zarzuriiyyat* ini mempunyai 68 kata akar. Kata akar merupakan satu elemen penting kerana ia merupakan asas pembinaan sesuatu perkataan dalam bahasa Arab (Al-Kabi, Al-Radaideh, & Akkawi, 2011). Daripada kata akar ini akan dikeluarkan kata-kata terbitan, sama ada dalam bentuk kata nama mahupun kata kerja. Terdapat 4 kata akar yang mempunyai pengulangan yang tertinggi, iaitu: perkataan *جنح-صفر-* yang berulang 3 kali, dan perkataan *طنى - نى* sebanyak 2 kali. Berikut ialah kata terbitan yang dikeluarkan daripada kata akar tersebut:

جنح			نى		
هجنح	حجنحها	عجنحال	قننم	اننلاب	اننلا
طار		صفر			
طير	رطرا	رصف	راناص		

Jadual 2: Jadual kata terbitan dari kata akar yang tertinggi


Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa analisa korpus dapat disusun mengikut tema yang telah ditetapkan oleh penulis teks ini. Teks ini merupakan teks *Zarzuriiyyat* yang memohon belas kasihan daripada seorang yang manusia dermawan yang merupakan tema yang pertama. Sementara itu, tema yang kedua adalah seorang pemuda yang diberi nama samaran Zuraiziir, iaitu perkataan terbitan burung Zarzuur seperti dalam gambar rajah berikut:



Rajah 3: Hubungkait antara perkataan antonim dan meronim dalam teks Zarzuriiyyat

Rajah 3 menunjukkan perkaitan antara dua tema yang dinyatakan, iaitu pemilik rumah yang dermawan dan juga burung *Zarzuur*. Setiap daripada karakter ini mempunyai kaitan antonim yang berlawanan antara satu sama lain, di mana pemilik rumah itu merupakan seorang yang pemurah dan mulia, sementara perkataan lapar dan dahaga dilakarkan kepada karakter burung itu. Kedua-dua karakter ini dihubungkan dengan tiga kata kerja utama, iaitu memuji - ثنى, menyebut - ذكر dan mengharap - رعى yang menunjukkan bahawa burung tersebut sering menyebut dan memuji sifat baik pemilik rumah serta meletakkan satu pengharapan agar tuan rumah itu terus memberikan makanan kepadanya. Perkara ini jelas dalam penggunaan meronim dalam 6 perkataan, itu air- الماء, rumah- المنازل, taman- الروض, rumput - العشب dan biji-bijian- الحب yang merupakan makanan burung tersebut.

Dalam analisa korpus bertema untuk teks *Zarzuriyyat* yang ditulis oleh Ibn Fakhaar, terdapat beberapa hubungan antara perkataan yang digunakan. Ia boleh dibahagikan kepada dua karakter utama dalam prosa ini, iaitu karakter pemilik rumah yang pemurah dan juga karakter burung *Zarzuur* seperti dalam gambar rajah di bawah:



Rajah 4: Perbezaan perkataan antara manusia dan juga burung Zazuur melalui pelbagai hubungan perkataan dalam teori medan makna.

Berdasarkan rajah 4, Ibn Fakhaar menggunakan meronim dalam pemilihan perkataan untuk menggambarkan keadaan taman yang dimiliki oleh pemilik rumah yang dermawan itu. Perkataan berikut ialah مروة - زلب - وبسطت - الأرض. Sementara itu Ibn Fakhaar menggunakan lima hubungan antara perkataan bagi karakter burung *Zarzuur*, iaitu polisem, hipernim, hiponim, holonim dan meronim. Perkataan الزرير merupakan polisem bagi burung *Zarzuur*. Ia merupakan nama samaran kepada seorang lelaki yang sering menggharapkan ehsan dari penduduk Andalus pada ketika itu dengan memuji mereka untuk mendapatkan makanan

Bagi hubungan perkataan hipernim, perkataan الطير- طيور digunakan dalam teks prosa ini. Kedua-dua perkataan merujuk kepada burung secara umum, sama ada dalam kata nama berganda dan kata nama tunggal. Sementara untuk hubungan perkataan hiponim, terdapat dua perkataan yang menggambarkan jenis burung, iaitu الصقور - عصانير. Perkataan عصانير merujuk kepada burung omnivor yang bersaiz kecil seperti burung ciak, sementara perkataan الصقور merujuk kepada burung helang yang menjadi pemangsa kepada burung kecil.

Ibn Fakhhar juga menggunakan hubungan perkataan holonim, iaitu tujuh perkataan yang merupakan perkataan-perkataan yang menggambarkan sebahagian dari burung, iaitu perkataan الجراح - وحات - وثرنت - صنير - صانرا - الأرحح - جراحه. Untuk hubungan perkataan meronim, terdapat enam belas perkataan yang mempunyai kaitan secara tidak langsung kepada burung - كالأل - املاو - كالأل - تلجع -ء- املاو - كالأل - طوبى - بحلا - تلجع -ء- املاو - كالأل - كالأل - وانفضت - وصب - تئص - بألصنة - والنبطت - وتناشد. Penggunaan meronim yang banyak ini menunjukkan bahawa Ibn Fakhhar lebih cenderung untuk memerihalkan keadaan burung *Zarzuur* dan keadaannya yang mencari makanan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan hubungan antara perkataan dalam Teori Medan Makna dapat membantu dalam menganalisa teks prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhaar dengan lebih jelas. Penulis teks ini banyak menceritakan perihal burung Zarzuur melalui analisa korpus yang dapat disusun dalam lima hubungan antara perkataan di bawah satu tema berbanding hanya satu hubungan antara perkataan dalam tema orang yang bersifat dermawan. Ini mengukuhkan lagi tema teks ini, iaitu permohonan belas kasihan terhadap seorang pemuda yang diberi nama samaran *Zuraiziir*.

Penutup

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan dapat disimpulkan bahawa analisa korpus juga boleh diterapkan dalam teks prosa Arab yang merupakan salah satu bentuk bahasa Arab klasik. Disamping itu, kajian ini juga membuktikan bahawa analisa korpus boleh digabungkan dengan Teori Medan Makna dalam memahami sesuatu teks bersandarkan kepada tema yang dipilih. Pembuktian ini akan mengukuhkan lagi makna yang cuba disampaikan oleh sasterawan dalam karya mereka.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Hazleena Baharum, pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia yang membantu secara teknikal dalam menyiapkan artikel ini. Kajian ini dibiayai oleh geran yang bertajuk A New Multi Relational Latent Semantic Analysis Model for Extracting Prophetic Hadith Concept, kod penyelidikan: USIM/FRGS/FPBU/32/51314 dan A New Model to Understand the Content of Quran Using a Combination of Semantic Analysis and Socio-Linguistic Approaches for Diverse Group of People, kod penyelidikan: USIM/TRGS02_PROJEK2/ISI/59/50516.

Rujukan

- Ahmadian, M., Yazdani, H., & Darabi, A. (2011). Assessing English Learners' Knowledge of Semantic Prosody through a Corpus-Driven Design of Semantic Prosody Test. *English Language Teaching*, 4(4), 288–298. <https://doi.org/10.5539/elt.v4n4p288>
- Al-'Imād. (1955). *Kharīdah Al-Qaṣr Wa Jarīdah Al-'Aṣr*. Maṭba'ah Al Risālah.
- Al-Kabi, M. N., Al-Radaideh, Q. a., & Akkawi, K. W. (2011). Benchmarking and assessing the performance of Arabic stemmers. *Journal of Information Science*, 37(2), 111–119. <https://doi.org/10.1177/0165551510392305>
- Alansary, S., Nagi, M., & Adly, N. (2008). Towards Analyzing the International Corpus of Arabic (ICA): Progress of Morphological Stage. In *8th International Conference on Intelligent Artificial*. Retrieved from http://www.bibalex.gov.eg/isis/uploadedfiles/publications/morphological_analysis_of_ica_finalx.pdf
- Azzirkiliy. (1999). *al-A'laam* (14th ed.). Beirut: Dar al-Ilmiy.
- Dukes, K., Atwell, E., & Habash, N. (2011). Supervised collaboration for syntactic annotation of Quranic Arabic. *Language Resources and Evaluation*, 47(1), 33–62. <https://doi.org/10.1007/s10579-011-9167-7>
- Dukes, K., Atwell, E., & Sharaf, A. M. (2010). Syntactic Annotation Guidelines for the Quranic Arabic Dependency Treebank. In *In Proceedings of the 2nd International Conference on*

- Arabic Language Resources and Tools (MEDAR)*, Cairo, Egypt.
- Fauzi Saad Isa. (1990). *Zarzuriyyat : Nasy'atuha wa Tatawwuriha fii Nathr Andalusia* (1st ed.). Alexandria: Dar Ma'rifah Jami'iyyah.
- Ghafar, N. A., Hishomudin, A., Ghazali, N. M., Mohd, A., & Mustapha, N. F. (2016). Kajian Teori Medan Makna Dalam Kalangan Sarjana-sarjan Islam. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 4(2), 24–35. Retrieved from <http://al-qanatir.com/index.php/journal/article/view/87>
- Hishomudin, A. (2010). *Nathrul Andalusiy fii Wasf Tabi'ah fii 'Asraiyyat Muluk Tawaif wa Murabitiin*. International Islamic University Malaysia.
- Ibn Bassām. (1979). *Al-Zakhīrah Fī Mahāsin Ahl Al-Jazīrah*. Dār Al-Thaqāfah.
- Ibn Khamiis. (1999). *Udaba' Malaqa*. (Sallah Jarrar, Ed.) (1st ed.). Amman: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Khaqān. (1989). *Qalā'id Al-'Iqyān wa Maḥasin Al-Iḥsan*. (H. Y. Kharyusy, Ed.). Maktabat Al-Mannār.
- John Lyons. (1977). *Semantics*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Johnson, R. J., & Glahn, J. F. (1994). *European starlings. Prevention and Control of Wild Damage -1994*.
- Kilgarriff, A., Baisa, V., Bu, J., Pavel, M., & Vít, R. (2014). The Sketch Engine : ten years on. *Lexicography ASIALEX (2014)*, 1, 7–36. <https://doi.org/10.1007/s40607-014-0009-9>
- Koenig, W. D. (2003). European Starlings and Their Effect on Native Cavity-Nesting Birds. *Conservation Biology*, 17(4), 1134–1140. <https://doi.org/10.1046/j.1523-1739.2003.02262.x>
- M Lynne Murphy. (2003). *Semantic Relations and the Lexicon*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Margarita Goded Rambaud. (2012). *Basic Semantics. Petri Nets: Fundamental Models, Verification and Applications*. Madrid: Universidad Nacional De Educación A Distancia. <https://doi.org/10.1002/9780470611647.ch1>
- McGillivray, B., & Kilgarriff, A. (2013). Tools for historical corpus research , and a corpus of Latin. In *In New Methods in Historical Corpora*.
- Mohammed Zeki Khedher. (1999). Use of Neural Networks in Arabic Text Transliteration. In *Fourth International Conference on Recent Trends in Computer Science Application & Information System* (pp. 1–8). Amman, Jordan. Retrieved from http://www.al-mishkat.com/khedher_en/Papers_e/paper_e10.pdf
- Razak, Z. R. A. (2011). *Modern Media Arabic : a Study of Word Frequency in World Affairs and Sports Sections*. University of Birmingham. Retrieved from <http://etheses.bham.ac.uk/2882/1/Razak11PhD.pdf>
- Tagg, C. (2009). *A Corpus Linguistics Study Of Sms Text Messaging*. The University of Birmingham.
- Thiselton, A. C. (1979). Semantics and New Testament Interpretation. *New Testament Interpretation: Essays on Principles and Methods*, 75–104. Retrieved from http://www.biblicalstudies.org.uk/pdf/nt-interpretation/nti_04.pdf
- Wallace, D., Polikar, M., & Ferracuti, F. (1984). Short Communications. *The Condor*, 63(November 1987), 515–517. <https://doi.org/10.1111/j.1365-263X.1994.tb00128.x>

Teks Prosa Zarzuriyyat Ibn Fakhaar

يسقط الطير حيث نُشِرَ الحُبُّ، وتُعْشَى منازلُ الكرماءِ لما كُنْتُ أعزك الله روضة في الأرض طيبة الماء والعشب، وغدوت دوحه في الجعد مورقة بالتهمم، مثمرة بالجد، أو شگت طيور الشاء عليك قلوعا، وحامت عصافير الرجاء عطاشا وجياعا، فوجدت بشارك الحب النثير، والماء العذب النمير، فشربت والتقطت، وانتفضت وترنمت، ولم تُرْعُ بصرصرة الصقور، حين عدت في الماء النمير، فهي مائلة على طي الأجنحة، مثنية عليك بالسنه المفصحة، قد جعلت أرائكها قصب الأراك، وبسطت أرائكها فلم تقتنص بأيدي الفخوخ والأشراك، تتغنى من الطرب، وتتناشد بمخضره القصب :

يا لك من قبرة بمعمر خلا لك الجو فيبضي واصفري

ونقري ما شئت أن تنقر

ولما قطع الآن إليك منها زريزير، له أبدا بالثناء عليك صغير، قص جناحه فهو نحوك حادف، وحسن صباحه فكل قلب عليه عاطف، رجوت أن تعيده وافر الجناح، صافرا يذكرك في الغدو والرواح.